**Publication: Berita Harian** 

Date: 24 April 2017

Headline: He rose to become a lawyer after difficult times

## **AKTIVIS MUDA**

## Bangkit jadi peguam selepas pernah alami kesusahan

nazrv@sph.com.sq

**DUNIA** Encik Ahmad Firdaus Daud pernah dibaluti gerhana sele-pas keluarganya dilanda kesempitan

Ayahnya diberhentikan kerja Ayamiya diberilentkan kerja dan bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga, mengalami kerugian pula dalam satu pelaburan hartanah. Namun, langit tidak selalu cerah,

mendung bukan selamanya.

Yang penting, kesempitan wang tidak menghalang beliau daripada memburu cita-cita.

Kini, hasil usaha tidak kenal le-lah, Encik Ahmad Firdaus boleh ber-bangga dengan pencapaiannya.

Pemuda berusia 33 tahun itu bertugas sebagai seorang peguam di fir-ma Taylor Vinters Via dan mempu-nyai pengkhususan dalam bidang uning-undang teknologi.

Namun, kejayaan tidak datang bergolek begitu sahaja. Kelulusan ala kadar dek terlalu

banyak bermain daripada belajar di maktab rendah hampir mematahkan langkahnya mahu ke universiti.

Mujurlah, permohonannya ke Universiti Pengurusan Singapura (SMU) diterima.

Dek tidak mahu pisang berbuah dua kali, Encik Ahmad Firdaus dua kaii, Encik Ahmad Firdaus menumpukan perhatian pada pelaja-ran dan akhirnya berjaya meraih anugerah Magna Cum Laude bagi ijazah Sarjana Muda Sains (Penguru-san Sistem Maklumat).

Anugerah itu disampaikan kepada antara 35 peratus mahasiswa terbaik universiti itu.

"Setiap orang ada mengalami tempoh sukar dalam hidup mereka. keluarga saya begitu juga dan kami bertarung dengan masalah kewa-ngan buat satu tempoh yang lama. "Pengalaman ini mengajar saya

erti ketabahan dan kesyukuran," ka-ta beliau, anak seorang jurulatih ke-mahiran dan suri rumah yang per-nah memiliki butik pakaian wanita.

Selepas tamat pengajian, bekas Presiden Persatuan Pelajar SMU itu Presiden Persatuan Pelajar SMU itu menyertai perkhidmatan awam, mu-la-mula dengan Kementerian Perda-gangan dan Perusahaan (MTI) dan kemudian dengan Kementerian Pem-bangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS).

kan (MCVS).

Didorong semangat ingin memberi sumbangan lebih bermakna kepada masyarakat, Encik Ahmad Firdaus kemudian memutuskan agar mengubah haluan kerjayanya dengan menjadi peguam.



Impian itu tercapai selepas beliau Impian itu tercapai selepas beliau berjaya menamatkan program Dok-tor Juris (JD) di Sekolah Undang-Un-dang SMU yang membolehkan kar-yawan pertengahan kerjaya men-jalani pengajian menjadi peguam.

jalani pengajian menjadi peguam.
"Saya sudah lama memendam
hasrat menjadi peguam. Pengalaman di perkhidmatan awam menguatkan azam saya agar memberi sumbangan lebih bermakna dengan menjadi peguam," kata bekas pela-jar Sekolah Menengah Tanjong Ka-tong dan Maktab Rendah Saint Andrew's itu.

Kini, kepakaran dan pengalaman sebagai peguam amat berharga dalam usahanya menyumbang balik

kepada masyarakat. Malah, senarai penglibatan ma-

syarakatnya agak panjang lebar dan meliputi pelbagai bidang. Encik Ahmad Firdaus baru dilan-tik sebagai Setiausaha Agung Majlis Pusat lewat tahun lalu dan kini giat melakarkan hala tuju baru bagi badan kebudayaan itu bersama pasu kan baru.

Sebagai anggota Jawatankuasa Pengumpulan Dana bagi Dana Amanah Pendidikan (ETF), beliau dan pasukannya telah menetapkan matlamat mahu mengumpul \$12 ju-ta untuk menampung keperluan pen-didikan anak Melayu/Islam daripada keluarga susah.

Penglibatannya tidak tertumpu pada masyarakat Melayu/Islam se-mata-mata, malah menjangkau ke peringkat nasional.

Ini dilakukan menerusi penyer taannya sebagai anggota Majlis Mencegah Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan (NCADA) dan Jawa-tankuasa Perundingan Rakyat

tankuasa Perundingan Rakyat (CCC) Chong Pang.
Sebelum ini, beliau pernah melibatkan diri sebagai anggota jawatankuasa SGSOkita, Suara Musyawarah dan Young AMP.
"Saya prihatin tentang nasib masyarakat Melayu/Islam kita dan mahu memberi sumbangan yang termampu. Khususnya, saya berminat membantu golongan muda meletakan asas untuk berjawa dan memenutuk b kan asas untuk berjaya dan memenuhi potensi mereka sepenuhnya," ka-ta beliau yang kini tinggal bersama ibu bapanya di flat empat bilik mere-ka di utara Singapura dan bakal

BIODATA

Nama: Encik Ahmad Firdaus Daud Umurr 33 lahun Kerjaya: Peguam di firma Tajov Yintes Via dan mempunyai pengkhususan dalam bidang undang-undang teknologi Kerja kemas asvarakatan:

kemasyarakatan:
Beliau merupaka:
Setiausaha Agung Majlis
Pusat dan anggota
Jawatankuasa Pengumpulan
Dana bagi Dana Amanah
Pendidikan (ETF). didikan (ETF). au juga anggota Majlis cegah Penyalahgunaa ah Kebangsaan Dadah Kebangsaan (NCADA) dan Jawatankuas Perundingan Rakyat (CCC) Chong Pang **Status:** Belum berumah

CAPAI IMPIAN JADI PEGUAM: Encik Ahmad Firdaus bertukar haluan daripada kerjaya dalam perkhidmatan awam kepada bidang guaman. – Foto NAZRY MOKHTAR

mengakhiri zaman bujangnya Julai

Ditanya penilaiannya terhadap pencapaian masyarakat Melayu/ Islam, beliau berkata masyarakat Melayu/Islam telah mencapai ba-Meiayu/isiam telah mencapai ba-nyak kemajuan dan boleh disifatkan sebagai antara masyarakat minoriti paling berjaya di dunia. "Tentu terdapat beberapa aspek yang masih boleh diperbaiki. Con-

tohnya, kita perlu meningkatkan per-niagaan ke peringkat global. "Kedua, kita harus pastikan tiada anggota masyarakat tercicir dalam arus kejayaan dengan memastikan tiada kanak-kanak yang berhenti sekolah dan mengukuhkan lagi rang-kaian keselamatan sosial kita," ujar